

# Buletin

Zulkaedah 1445H/ Mei 2024

ACIS

# Talkin dalam Neraca Syarak.

Membimbing dengan cara yang baik,  
bukan menjadikan yang baik **6**

Daging Kultur **7**

Hikmah Dalam Kehidupan **9**

Rezeki dalam Perniagaan **10**

Kemeriahuan Sambutan Hari Raya  
ACIS, UHEI & ALUMNI Negeri  
Sembilan 1445H dan Majlis Persaraan  
Ustazah Norlela **12**



e-ISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 8 2 8 0 0 1

# Sembilan persepuhluh (9/10) rezeki dalam perniagaan?

Oleh:

**Dr Ahmad Sabri bin Osman**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam

Perniagaan merupakan suatu istilah yang sentiasa bermain di bibir manusia dan bidang pekerjaan yang sangat popular. Kita biasa mendengar orang menyebutkan kalimat berikut; “*jika mahu jadi orang kaya, berniagalah*”; “pertanian adalah perniagaan”, “*the creation of business begins with crazy ideas*” (penciptaan sesuatu perniagaan itu bermula dengan idea yang gila) dan sebagainya. Jika kena caranya, perniagaan mampu menjadikan seseorang itu kaya raya, namun sebaliknya, perniagaan juga mampu menjadikan seseorang itu bangkrup atau muflis.

Jika dilihat kepada individu paling kaya di dunia, mereka merupakan peniaga yang sangat berjaya. Menurut majalah perniagaan popular iaitu Forbes 2023, individu paling kaya di dunia ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat gergasi Moët Hennessy Louis Vuitton (LVMH) iaitu Bernard Arnault dari Perancis dengan nilai kekayaan berjumlah RM907 billion, kemudian diikuti oleh CEO Tesla, Elon Musk dari Amerika Syarikat (RM632 billion). Seterusnya diikuti oleh Pengasas Adani Group, Gautam Adani dari India (RM556 billion) yang memiliki 6 syarikat gergasi India di bawah pemilikannya. Menduduki tangga keempat ialah pemilik syarikat e-commerce gergasi Amazon, Jeff Bezos juga dari Amerika Syarikat (RM535 billion).

Seterusnya Larry Ellison (RM478 billion), juga dari Amerika Syarikat yang merupakan pengasas kepada Oracle, syarikat perisian kedua terbesar di dunia yang menawarkan pelbagai program pengkomputeran termasuk Java, kod Linux dan platform pengkomputeran Oracle Exadata. Kemudian Warren Buffet juga dari Amerika Syarikat yang merupakan Pengarah Eksekutif bagi syarikat Berkshire Hathaway (RM478 billion). Sinonim dengan jenama perisian komputer terbesar dunia iaitu Microsoft, Bill Gates tercatat sebagai orang ketujuh terkaya dunia (RM449 billion) dan pernah menjadi individu paling kaya di dunia suatu ketika dahulu.

Berdasarkan kedudukan 50 orang terkaya di Malaysia pada tahun 2023, individu paling kaya ialah Tan Sri Robert Kuok Hock Nien, pengasas Kuok Group yang berpengkalan di Hong Kong. Beliau kekal mengungguli kedudukan individu paling kaya selama beberapa tahun. Umat Islam juga berasa bangga kerana terdapat tiga individu Melayu Islam tersenarai dalam ranking tersebut. Mereka ialah Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim dan Tan Sri Azman Hashim.

Sehubungan dengan itu, terbuktialah bahawa perniagaan merupakan pekerjaan yang menyumbang kepada kekayaan. Dengan kata lain, kekayaan dan perniagaan merupakan dua elemen yang tidak boleh dipisahkan sebagaimana kata pepatah Melayu “ibarat aur dengan tebing” atau “ibarat isi dengan kuku”. Namun, ia memerlukan ilmu dan kemahiran yang bukan sedikit.

Perniagaan sangat penting dalam Islam. Ia merupakan mekanisma untuk manusia mendapatkan harta dan barang yang diingini. Istilah perniagaan berasal daripada Bahasa Latin iaitu “*negotium*”, Dari segi bahasa, ia bererti pertukaran barang dengan barang atau pertukaran barang dengan perkhidmatan. Dari segi istilah, Sayyid Sabiq, menjelaskan bahawa perniagaan sebagai suatu proses pertukaran harta dengan harta di atas persetujuan penjual dan pembeli mengikut cara-cara yang diizinkan Syarak.

Dalam al-Quran, tiga istilah yang digunakan bagi merujuk kepada perniagaan atau jual beli ialah *al-isytira’ / al-syira’, al-bai’* dan *al-tijarah*. Ia boleh digunakan untuk makna jual dan juga beli. Terdapat lebih kurang 38 ayat yang membincarakan tentang perniagaan dengan pelbagai lafadz samada *al-syira’, al-isytira’, al-tijarah* atau *al-bai’*. Maksud yang tersirat di sebalik penggunaan ayat-ayat ini ialah menunjukkan betapa pentingnya urusan jual beli ini kepada manusia.

Sirah Rasulullah SAW sendiri menunjukkan kepada umatnya bahawa baginda sendiri telah bernesaja semenjak kecil lagi. Semasa berumur 12 tahun, baginda SAW telah mengikuti rombongan perniagaan bapa saudaranya Abu Talib ke Syam. Baginda SAW juga berpengalaman menguruskan perniagaan isterinya iaitu Saidatina Khadijah ra sehingga memperoleh keuntungan yang besar. Sahabat baginda SAW yang terlibat dengan perniagaan tidak kurang ramainya.

Benarkah sembilan persepuhluh rezeki dalam perniagaan? Bagi menjawab persoalan tersebut, penulis mendapati terdapat empat hadis dalam laman sesawang hadis dorar.net yang diselia oleh ‘Alawi bin Abd al-Qadir al-Saqqaf iaitu:

**Pertama**, “*Berniagalah kamu kerana padanya terdapat sembilan persepuhluh (9/10) punca rezeki*”. Al-Muhaddis (tokoh hadis yang memberi komentar terhadap hadis) ialah al-Subki (al-Ibn). Hadis ini terdapat dalam kitab *Tabaqat al-Syafi’iyah al-Kubra* (6/311), tiada perawi yang meriwayatkan hadis ini, justeru hadis ini tiada sanad.

**Kedua**, “*Sembilan persepuhluh (9/10) sumber rezeki daripada perniagaan, dan satu persepuhluh (1/10) daripada penternakan (lembu)*”. Al-Muhaddis ialah al-Albani. Perawi ialah Yahya bin Jabir al-Ta’i dan Nu’aim bin Abd al-Rahman al-Azdi. Hadis ini terdapat dalam kitab *Dha’if al-Jami’* (2434). Menurut al-Albani, hadis ini daif.

**Ketiga**, "Sembilan persepuluhan (9/10) sumber rezeki daripada perniagaan, dan satu persepuluhan (1/10) daripada penternakan (kambing)". Al-Muhaddis ialah al-Albani. Hadis ini terdapat dalam kitab *Al-Silsilah al-Dha'ifah* (3402). Menurut al-Albani, hadis ini daif.

**Keempat**, "Sembilan persepuluhan (9/10) sumber rezeki daripada perniagaan. Nu'aim berkata: satu persepuluhan yang baki di dalam penternakan". Al-Muhaddis ialah al-Hafiz al-Busiri (m. 840H). Hadis ini terdapat dalam kitab *Ithaf al-Khayarah al-Maharah* (3/275). Menurut al-Busiri, sanad hadis ini daif.

Selain itu, menurut al-Hafiz al-'Iraqi (m. 806H) dalam menganalisis hadis ini yang terdapat dalam kitab *Ihya' 'Ulumiddin* karya Imam al-Ghazali (m. 505H): "Para perawinya adalah *thiqah* (diperlakukan dengan baik), namun berlaku kekhilafan di mana Nu'aim bin Abd al-Rahman al-Azdi dikategorikan oleh Abu Hatim al-Razi dan Ibnu Hibban sebagai Tabi'in dan bukan Sahabat, maka hadis ini adalah turun ke peringkat hadis mursal (terputus sanadnya)".

Menurut Murtadha al-Zabidi (m. 1205H) dalam kitabnya *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*: "Ia turut diriwayatkan oleh Said bin Mansur dalam Sunannya daripada hadis riwayat Nu'aim bin Abd al-Rahman al-Azdi dan Yahya bin Jabir al-Ta'i secara mursal dengan tambahan di hujungnya iaitu satu persepuluhan pula di dalam bidang penternakan sebagaimana hadis di atas.

Manakala al-Imam al-Suyuti dalam kitabnya *al-Jami' al-Saghir* pula menyatakan hadis yang diriwayatkan daripada Nu'aim bin Abd al-Rahman al-Azdi dan Yahya bin Jabir al-Ta'i secara mursal, namun ia naik ke peringkat hasan iaitu yakni *hasan li-ghairih* kerana kedua-dua riwayat saling menyokong antara satu sama lain,

Justeru, berdasarkan pandangan ulama di atas, penulis berpendapat bahawa hadis tersebut adalah bertaraf daif atau hasan dan tidak salah untuk beramal dengannya terutamanya dalam meningkatkan motivasi untuk bermula. Namun, perlu diingat bahawa meskipun sembilan persepuluhan rezeki datang daripada sumber perniagaan, maka kadar usahanya juga mesti menyamai kadar tersebut. Selain itu, cabaran dan rintangannya juga adalah sembilan persepuluhan. Jika tidak kental menghadapi cabaran, maka carilah pekerjaan lain yang setaraf dengan kemampuan diri sendiri ibarat kata pepatah Melayu "ukur baju di badan sendiri".